

Visi: Komuniti pelajar yang efektif, terlibat dalam pembelajaran serta mempunyai minat dalam Bahasa Melayu

Misi: Untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik bagi mendorong murid berdikari, memupuk rasa cinta terhadap budaya Melayu dan menyediakan ruang agar murid dapat menjadi penutur yang efektif.

DARJAH 2

HASIL PEMBELAJARAN UNTUK MURID

Berikut merupakan hasil pembelajaran untuk murid-murid pada akhir tahun Darjah 2.

Mendengar

1. Mendengar dan mengenali bunyi huruf, suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan betul
2. Mendengar dan memahami pelbagai jenis teks pertuturan dengan memberikan respons yang sesuai

Bertutur

1. Bertutur tentang sesuatu perkara menggunakan kosa kata dan ayat yang sesuai dengan sebutan dan intonasi yang betul
2. Memberikan arahan dengan menggunakan ayat yang betul
3. Menyampaikan pesanan dengan menggunakan ayat yang betul
4. Menceritakan tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai ayat dan gaya yang sesuai
5. Menyatakan sesuatu peristiwa dengan menggunakan pelbagai jenis ayat yang sesuai
6. Menyampaikan maklumat yang relevan dengan jelas tentang sesuatu perkara dengan menggunakan ayat yang sesuai
7. Menerangkan sesuatu perkara dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang betul

Membaca

1. Membaca dan mengecam bunyi suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan betul
2. Membaca lantang dengan kelancaran, sebutan, intonasi dan gaya pembacaan yang sesuai
3. Membaca dan mengenal pasti idea utama, informasi spesifik dan perincian teks
4. Membaca dan mengenal pasti susunan peristiwa atau idea

Menulis

1. Menulis huruf besar dan kecil dengan cara yang betul dan kemas
2. Menulis perkataan, frasa dan ayat mudah dengan betul dan kemas
3. Mengambil imlak perkataan, frasa dan ayat dengan ejaan serta tanda baca yang betul dengan tulisan yang jelas
4. Menjana idea utama untuk menghasilkan pelbagai jenis teks
5. Menghasilkan pelbagai jenis frasa dan ayat
6. Mengenal pasti kesilapan dan membetulkan ejaan perkataan dan tanda baca dalam teks

Kemahiran Interaksi Lisan

1. Berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kosa kata dan ayat yang betul
2. Bertanya dan menjawab pertanyaan
3. Mengemukakan idea, pendapat atau pandangan dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang betul

Kemahiran Interaksi Penulisan

1. Berutusan tentang sesuatu perkara dengan menggunakan kosa kata dan ayat yang sesuai
2. Bertukar-tukar fakta dan maklumat dengan menggunakan kosa kata dan ayat yang sesuai
3. Berukar-tukar idea, pendapat atau pandangan dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang betul

Tatabahasa

1. Menggunakan Kata Nama dengan betul mengikut konteks
2. Menggunakan Kata Kerja dengan betul mengikut konteks
3. Menggunakan Kata Adjektif dengan betul mengikut konteks
4. Menggunakan Kata Tugas dengan betul mengikut konteks
5. Menggunakan proses Pengimbuhan dengan betul dalam pelbagai konteks
6. Menggunakan proses Penggandaan dengan betul dalam pelbagai konteks
7. Menggunakan dan membina ayat yang betul dalam pelbagai konteks

Penerangan lanjut tentang Hasil Pembelajaran

• **Bacaan**

- > Murid dikehendaki membaca dengan lantang petikan yang diberikan dengan menggunakan sebutan baku yang sesuai

Contoh teks bacaan

Hazim sedang mengulang kaji di biliknya. Ayahnya telah menelefon untuk memberitahu yang ayah dan ibunya akan pulang lewat pada hari itu.

Tiba-tiba, pintu rumahnya diketuk seseorang. Hazim melihat melalui lubang intai. Jirannya, Pak Cik Hamid, berdiri di luar pintu rumahnya.

"Hazim, ambillah semangkuk mi rebus ini. Pak cik pasti kamu belum makan," kata Pak Cik Hamid.

Senarai semak

Bacaan	
Sebutan sentiasa baik dan jelas; bacaan amat lancar, jeda dan rentak sesuai, tidak teragak-agak; variasi nada sesuai	
Sebutan jelas tetapi terdapat sedikit kesilapan; bacaan lancar, jeda dan rentak sesuai, hampir tidak teragak-agak; variasi nada pada umumnya sesuai	
Pada umumnya sebutan jelas tetapi banyak kesilapan; pada umumnya bacaan agak lancar, jeda dan rentak sesuai tetapi teragak-agak sedikit; variasi nada memuaskan	
Sebutan agak sukar difahami dan banyak kesilapan; bacaan tersekat-sekat; sedikit variasi nada	
Sebutan tidak jelas dan kebanyakan perkataan disalah sebut; bacaan teragak-agak; tidak terdapat variasi nada	


Teknik bagi membantu anak anda dalam bacaan lisan

- latih membaca dengan lantang setiap hari
- rakam bacaan anak anda menggunakan telefon bimbit agar dia dapat mendengar semula bacaannya dan boleh mengenalpasti kelemahannya sendiri
- pastikan anak anda membaca dalam sebutan baku

Penerangan Berdasarkan Gambar

Murid dikehendaki menerangkan beberapa perkara yang terdapat dalam gambar dan memberikan respons peribadinya terhadap beberapa perkara yang terdapat dalam gambar tersebut.

Contoh Gambar Lisan



Senarai semak

Penerangan Berdasarkan Gambar	
Penerangan padat dan amat jelas; amat yakin; mengembangkan idea dengan baik; membuat interpretasi dengan baik	
Penerangan agak padat dan jelas; yakin; mengembangkan idea; membuat interpretasi	
Penerangan mencukupi dan kurang jelas; mengembangkan idea apabila dirangsang; membuat sedikit interpretasi apabila dirangsang	
Penerangan agak tidak mencukupi; mengembangkan idea hanya setelah dirangsang beberapa kali; membuat interpretasi hanya setelah dirangsang beberapa kali	
Penerangan tidak mencukupi; tidak mengembangkan idea meskipun setelah beberapa kali dirangsang; tidak membuat interpretasi meskipun setelah beberapa kali dirangsang	

Penerangan berdasarkan Gambar

Yang berikut merupakan panduan yang boleh digunakan untuk membantu anak anda menerangkan gambar.

- Mulakan penerangan dengan menggunakan ayat-ayat berikut:
 1. Gambar ini menunjukkan di ... (latar tempat tersebut).
 2. Di sana terdapat ramai orang.
 3. Mereka sedang melakukan pelbagai aktiviti.
- Gunakan perkataan / frasa berikut untuk menerangkan aktiviti-aktiviti yang hendak diterangkan
 - bersebelahan ...
 - tidak jauh dari ...
 - di hadapan ...
 - di belakang ...
- Semasa menerangkan aktiviti yang dilihat, pilih sekurang-kurangnya 3 aktiviti yang menarik perhatian dan berikan pendapat secara mendalam.
 - Perbuatan (orang yang dimaksudkan) itu salah / betul kerana ...
- Setelah menceritakan semua aktiviti yang dilihat, gunakan ayat-ayat berikut:
 - Saya sudah selesai, Cikgu. Terima kasih.

Contoh Penerangan berdasarkan Gambar

Guru akan mengajukan soalan kepada murid.

Contoh soalan: *Terangkan perkara-perkara yang kamu lihat di dalam gambar ini dan berikan pendapat kamu mengenai perkara-perkara tersebut.*

Gambar ini menunjukkan di kantin sekolah. Terdapat ramai murid di sini. Mereka sedang melakukan pelbagai aktiviti.

Di sini, terdapat seorang budak perempuan yang sedang memulangkan pinggan dan cawan yang telah digunakan ke tempat yang disediakan. Perbuatannya betul kerana dia seorang yang bertanggungjawab dan dapat membantu menjaga kebersihan kantin itu.

Tidak jauh dari situ, terdapat seorang budak lelaki yang terlanggar seorang budak perempuan yang sedang mengangkat makanan. Makanan itu tertumpah ke lantai. Pada pendapat saya, perbuatan budak lelaki itu salah kerana dia boleh mencederakan diri dan orang lain.

Berdekatan dengan mereka, ada seorang budak perempuan yang tidak mematikan air setelah membasuh tangan. Budak lelaki di sebelahnya memanggilnya lalu menunjuk ke arah poster yang mengingatkan orang ramai agar jangan membazir air. Pada pendapat saya, perbuatan budak lelaki itu baik kerana dia telah membantu untuk mengingatkan budak perempuan itu.

Di belakang mereka, terdapat sekumpulan murid yang sedang duduk sambil makan. Pada pendapat saya, perbuatan mereka betul kerana mereka tidak mengganggu orang lain.

Saya sudah selesai, Cikgu. Terima kasih.

Pilih satu aktiviti yang akan diterangkan dahulu. Kemudian bergerak mengikut putaran.

Frasa / Perkataan yang telah digelapkan boleh digunakan untuk memulakan ayat bagi menerangkan perkara-perkara yang dilihat.

Contoh: tidak jauh dari situ, di belakangnya

Mulakan dengan tiga ayat ini.

Contoh pendapat yang harus diberikan murid.

Setelah murid selesai menerangkan semua aktiviti, gunakan ayat ini sebagai penutup.

Teknik bagi membantu anak anda dalam penerangan berdasarkan gambar

- senaraikan perkara-perkara yang dilihat dalam gambar dalam bentuk Medan Kata
- perkataan boleh disenaraikan mengikut Golongan Kata seperti Frasa Nama / Frasa Kerja
- kerapkan latihan di rumah agar anak anda terbiasa dengan cara untuk menerangkan gambar



Contoh Medan Kata



Kata / Frasa Nama	Kata / Frasa Kerja
kantin	terlanggar
singki	memulangkan cawan

Karangan

Murid dikehendaki menulis ayat-ayat yang sesuai bagi setiap gambar. Mereka boleh menggunakan perkataan atau frasa bantuan yang disediakan pada setiap gambar.

Contoh Karangan

<p>Gambar 1</p> 	<p>Pada pagi Ahad yang lalu pasar bersarapan</p>	<hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/>
<p>Gambar 2</p> 	<p>mengelap tingkap menyapu lantai supaya ibu tidak penat</p>	<hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/>

Gambar 3		
 <p>3</p>	Apabila ibu mereka pulang	
	terkejut	
	rumah sudah bersih	
Gambar 4		
 <p>4</p>	Selepas itu	
	mengucapkan terima kasih	
	memuji	

Gambar 1
(Berikan nama
kepada watak-
watak)

Pada pagi Ahad yang lalu, **Aril** dan **Razak** sedang bersarapan di ruang makan. Apabila mereka sedang bersarapan, ibu mereka memberitahu mereka bahawa dia mahu pergi ke pasar.

Sementara menunggu ibu mereka pulang, Aril dan Razak bercadang untuk mengemas rumah. Aril mengelap tingkap dan Razak pula menyapu lantai. Mereka berbuat begitu supaya ibu tidak rasa penat.

Apabila ibu mereka pulang dari pasar, dia berasa **sungguh terkejut**. Rumahnya kelihatan **sangat bersih**. Dia tersenyum dengan lebar.

Selepas itu, dia ke bilik Aril dan Razak. Mereka sedang **tekun** menyelesaikan kerja sekolah mereka. Ibu mereka memuji mereka kerana mereka anak-anak yang **rajin** dan **bertanggungjawab**. Aril dan Razak berasa **bangga** dengan diri mereka.

Gambar 2

Gambar 3

Gambar 4
(Masukkan kata
adjektif/perasaan)

Teknik bagi membantu anak anda dalam Karangan

Fahami gambar.

Gunakan 5 minit pertama untuk:

- Membaca perkataan/frasa yang diberikan.
- Rancang apa yang akan ditulis berdasarkan gambar.
- Penutup yang sesuai untuk Gambar 4 (masukkan perasaan / pengajaran yang dipelajari)

5 minit terakhir, murid harus:

- Baca semula karangan yang telah ditulis dan semak ejaan.

Persediaan untuk Darjah 2:

Bagi membantu anak anda dalam mempelajari Bahasa Melayu, ibu bapa boleh melakukan perkara-perkara berikut:

- 1) Bertutur dengan anak anda setiap hari menggunakan Bahasa Melayu. Ini akan membantu anak anda berasa lebih selesa dalam kelas Bahasa Melayu kerana dia sudah terbiasa dengan bahasa ini.
- 2) Dengar lagu Melayu atau tonton rancangan-rancangan Melayu yang bersesuaian dengan umur anak anda.
- 3) Baca buku cerita Melayu bersama-sama. Anda boleh adakan perbincangan tentang gambar / watak atau apa yang anak anda suka dalam buku cerita yang dibaca.

Bahan-bahan rujukan tambahan

- 1) <http://prpm.dbp.gov.my/> - Ini merupakan laman kamus dalam talian.
- 2) Permainan Bahasa: Aplikasi Pintar Kata (MLCS)
- 3) Buku Cerita Elektronik: Aplikasi Cerita Rakyat Nusantara (MLCS)
- 4) www.nlb.gov.sg/golibrary Ini merupakan laman web perpustakaan kebangsaan. Terdapat banyak buku bacaan elektronik yang boleh didapati di dalam laman ini.

Kesimpulan

Buku panduan untuk Darjah 2 ini diharapkan dapat digunakan oleh ibu bapa sebagai panduan untuk membantu anak-anak di rumah. Dengan adanya buku panduan ini diharapkan ibu bapa dapat membimbing anak-anak dengan lebih berkesan untuk pelajaran Bahasa Melayu.